

**MP DAP fail petisyen batalkan pelantikan 2 menteri, 3 timbalan menteri  
Malaysian Insider  
June 19, 2013**

Ahli Parlimen (MP) DAP M. Kulasegaran memfailkan petisyen hari ini untuk membatalkan pelantikan dua menteri dan tiga orang timbalan menteri Kabinet, mengatakan ianya tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Kulasegaran menamakan dua menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Datuk Paul Low, timbalan menteri P. Waythamoorthy, Dr Loga Bala Mohan dan Datuk Ahmad Basha Md Hanipa sebagai responden.

"Perlu pematuhan ketat kepada Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan, mereka mesti menjadi ahli salah satu daripada Dewan, bermaksud mereka mesti telah dipilih sebagai ahli Parlimen atau mengangkat sumpah sebagai senator sebelum mereka dilantik sebagai menteri dan timbalan menteri.

"Oleh itu semua emolumen, keistimewaan dan kelebihan kewangan lain diperolehi oleh responden mesti dibayar balik oleh setiap daripada mereka kepada kerajaan dalam masa tujuh hari dari tarikh perintah itu dibuat oleh mahkamah," kata Kulasegaran kepada pemberita di Putrajaya hari ini. -19 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mp-dap-fail-petisyen-batalkan-pelantikan-2-menteri-3-timbalan-menteri/>